

Kebolehgunaan dan Kesan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) dalam Minggu Mesra Mahasiswa UKM

(Usability and effect of Mobile Application (Mobile Apps) in UKM Student Orientation Week)

**MOHD SUZEREN MD JAMIL, ROSLEE RAJIKAN, NOOR ALAUDIN ABDUL WAHAB,
SHAHRUL NAZMI SANNUSI & MUHAMMAD HAMIDUDDIN SAAT**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolehgunaan dan kesan aplikasi mudah alih ‘MESRA@UKM’ dalam Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) 2018. Aplikasi mudah alih ini dibangunkan menggunakan alat pengarangan *Framework react native language javascript* untuk pelantar Android dan iOS yang mempunyai lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Untuk menilai perisian ini, kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik berskala Likert lima pilihan telah digunakan. Seramai 1258 orang pelajar baru UKM telah mengambil bahagian sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif untuk menilai persepsi pengguna terhadap kebolehgunaan aplikasi mudah alih ‘MESRA@UKM’ yang dibangunkan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa pelajar sangat berpuas hati terhadap aplikasi yang dibangunkan ini. Kesimpulannya, pembinaan aplikasi mudah alih ini berjaya dibangunkan dan berpotensi dilaksanakan bagi membantu pelajar seperti dalam penyampaian maklumat, tunjuk arah, jadual program dan pergerakan bas serta bantuan menjawab pelbagai persoalan pelajar dalam memastikan kelancaran sepanjang MMM.

Kata kunci: Aplikasi mudah alih; Minggu Mesra Mahasiswa; MESRA@UKM

ABSTRACT

This study aims to evaluate the usability and effect of mobile application ‘MESRA@UKM’ in UKM Student Orientation Week (MMM) 2018. This mobile application was developed using authoring tool of Framework react native language javascript for Android and iOS platform based that has five phases: which are analysis phase, design phase, development phase, implementation phase and evaluation phase. To evaluate this software, the survey method using Likert scales of five options questionnaires have been used. A total of 1258 new UKM students were involved for this study. This study used descriptive method to evaluate users’ perception on the usability of ‘MESRA@UKM’ mobile applications developed. The results of this study found that students were very satisfied with this developed application. It can be concluded that the construction of this mobile application was successfully developed and it has potential to be implemented for information delivery, signage, programme and bus schedule including real time questions and answers in order to ensure smoothness in MMM.

Keywords: Mobile application; Student Orientation Week; MESRA@UKM

PENGENALAN

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sememangnya mempengaruhi serta memberi impak yang mendalam kepada peradaban manusia pada masa ini. Berteraskan tiga dasar penting yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) telah menjadi landasan dan hala tuju kepada penggunaan dan pengintegrasian ICT secara komprehensif di sektor pendidikan. Dasar ini memberi tumpuan kepada penguasaan ICT dalam kalangan pelajar, penggunaan ICT sebagai kurikulum dan pengupayaan pengajaran dan pembelajaran serta kecekapan pengurusan berdasarkan ICT. Kajian pengajaran dan pembelajaran menggunakan ICT sering dikatakan lebih berkesan berbanding dengan kaedah konvensional (Bagui, 1998; Fletcher, 2003; Mayer, 2002). Kajian dalam dan luar negara juga menunjukkan bahawa penggunaan ICT seperti perisian pengajaran multimedia, web dan lain-lain yang berkaitan mampu meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik (Jamalludin dan Zaidatun, 2003; Macaulay, 2002; Al-Mikhaili, 2006). ICT ini bukan sahaja digunakan dalam pembelajaran tetapi juga dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pendidikan.

Penggunaan alatan telefon pintar dilihat semakin banyak digunakan dalam konsep penggunaan dan pengoperasian ICT. Telefon pintar merupakan alat yang sofistikated, dinamik serta bersifat mudah alih yang memberi ruang kepada pengguna untuk mendapat akses maklumat tidak kira bila dan di mana (Al-Barashdi et al., 2015; Al-fawareh dan Jusoh, 2014). Kapasiti telefon pintar yang mampu beroperasi seperti komputer memberi banyak kemudahan kepada pengguna dan sekaligus meningkatkan tahap pemilikan telefon pintar serta cara dan tujuan penggunaannya (Lay-Yee et al., 2013; Weinberg, 2012). Melalui penggunaan telefon pintar, banyak aktiviti boleh dilaksanakan termasuklah perkongsian maklumat, komunikasi, pelayaran internet, penghasilan dan pengeditan dokumen dan pelbagai aktiviti lain. Kemudahan untuk melihat dan merakam gambar serta video secara mudah serta apps yang pelbagai turut menyumbang kepada meningkatkan penggunaan telefon pintar (Weinberg, 2012). Dengan wujudnya pelbagai aplikasi pada telefon pintar, ia menjadi popular dalam kalangan pengguna khususnya untuk tujuan sosialisasi yang mampu meningkatkan komunikasi (Hong et al., 2012).

Kini, pemilikan telefon pintar telah menjadi sebahagian daripada keperluan dalam hidup sehari-hari. Song et al (2013) melaporkan bahawa sebanyak 40% daripada rakyat Malaysia secara individu mempunyai lebih daripada dua telefon bimbit. Ciri mudah alih serta aplikasi yang sangat mirip kepada penggunaan

komputer memudahkan pengguna mendapatkan sebarang akses maklumat samada yang formal atau tidak formal. Penggunaan untuk tujuan pembelajaran atau pengoperasian di universiti merupakan salah satu potensi telefon pintar. Hal ini sejajar dengan perkembangan semasa di mana semua maklumat dapat disalurkan dengan cepat, proses kolaborasi boleh berlaku secara pantas dalam talian, serta perkongsian maklumat merupakan satu bentuk pendekatan pembelajaran yang bermakna. Potensi ini juga menyebabkan proses pembelajaran dan pengurusan berdasarkan telefon pintar semakin pesat berkembang.

Kajian-kajian yang telah dijalankan di beberapa negara menunjukkan perkembangan dan penerimaan yang positif dalam kalangan pengguna khususnya para pelajar universiti. Di United Kingdom misalnya Fletcher (2003) melaporkan bahawa para pelajar menyokong penuh usaha penggunaan telefon pintar serta aplikasi mudah alih digunakan dalam pembelajaran dan pengoperasian di universiti. Hal ini banyak disokong oleh kebolehan telefon pintar untuk mengakses capaian Internet secara efektif menyebabkan ramai pengguna lebih gemar mencari dan mendapatkan maklumat menggunakan telefon pintar. Uys et al. (2012) melaporkan para pelajar dalam kajian mereka menghabiskan masa sebanyak 16 jam sehari secara purata untuk penggunaan telefon pintar. Walau bagaimanapun, kebanyakan masa ini digunakan untuk tujuan berinteraksi secara sosial bersama pararkan serta tiada data tentang penggunaan untuk pembelajaran dilaporkan. Kajian oleh Park & Lee (2012) melaporkan bahawa secara purata, responden kajian mereka mempunyai sekitar 80 aplikasi mudah alih dalam telefon bimbit, manakala 16% daripada aplikasi tersebut digunakan secara langsung untuk tujuan pembelajaran atau yang berkaitan dengannya (pengurusan). Namun demikian, secara keseluruhan, potensi sebenar aplikasi mudah alih dalam telefon pintar sebagai platform atau sumber pengayaan pembelajaran atau pengurusan aktiviti pelajar masih perlu diperkasakan. Hal ini turut dijelaskan oleh Al-fawareh & Jusoh (2014) bahawa meskipun telefon pintar mempunyai banyak potensi untuk digunakan secara optimum untuk pembelajaran dan pengurusan, namun tahap penggunaannya untuk tujuan ini masih pada tahap yang rendah (Alfawareh & Jusoh, 2014). Dapatkan ini secara tidak langsung memberi ruang kepada penyelidikan yang lebih khusus dilaksanakan untuk memahami bagaimana pola penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar universiti sekiranya lebih banyak aplikasi mudah alih hendak dilaksanakan secara lebih proaktif dan menyeluruh. Hal ini merupakan satu keperluan yang perlu diisi, justeru kajian Mohtar et al. (2013)

membuktikan bahawa majoriti pelajar universiti dalam kajian mereka menunjukkan minat yang tinggi dalam penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran/pengurusan universiti dan menganggap ia sebagai satu kemestian seiring dengan era perkembangan teknologi telefon masa kini.

APLIKASI MESRA@UKM

Minggu Mesra Mahasiswa atau MMM merupakan acara bagi menyambut, mendaftarkan, memperkenalkan dan mempersiapkan pelajar baharu UKM terhadap informasi dan cabaran yang akan dihadapi sepanjang pengajian mereka nanti. Namun begitu, MMM yang berlangsung selama seminggu ini merupakan acara atau majlis yang amat padat dengan pelbagai pergerakan, aktiviti dan penyampaian maklumat. Bertitik tolak daripada hal tersebut, maka kajian penggunaan aplikasi

mudah alih ‘MESRA@UKM’ telah diketengahkan bagi melihat sejauh mana kesannya bagi membantu pelajar dan meningkatkan kelancaran MMM. UKM merupakan universiti awam pertama yang terlibat dalam memperkenalkan penggunaan aplikasi pintar untuk pelajar baru yang dinamakan aplikasi MESRA@UKM sempena pendaftaran pelajar baru sesi akademik 2018/2019 (Rajah 1). UKM mengambil seramai 3,653 pelajar baru untuk 13 buah fakulti di UKM Bangi, UKM Kampus Kuala Lumpur dan Perubatan UKM di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur. MMM kini bercorak fleksibel dan mesra dimana pelajar diberi kebebasan untuk memilih sendiri corak pengisian yang diperkenalkan oleh UKM. Julung kalinya aplikasi ini dibangunkan bagi pembaharuan dan untuk memecahkan tradisi dan rutin kebiasaan perlaksanaan MMM yang dahulunya diuruskan secara manual dan sepenuhnya oleh pemudahcara.



RAJAH 1. Ilustrasi Muka Hadapan Aplikasi MESRA@UKM

Aplikasi ini digunakan oleh pelajar baharu untuk mendapatkan maklumat berkaitan seperti jadual MMM, lokasi, peta laluan dalam UKM, pergerakan GPS bas, pelaksanaan 7 domain dan sebagainya. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Google Playstore* dan *Apps Store*. Ia dibangunkan sendiri oleh pelajar UKM khususnya daripada Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM). MESRA@UKM memberi kebebasan kepada pelajar untuk meneroka UKM tanpa diurus selia oleh pemudahcara. Para pelajar juga boleh mengetahui jadual perjalanan bas ke setiap kolej atau fakulti melalui aplikasi ini dan memudahkan pelajar merancang pergerakan. MESRA@UKM juga adalah platform utama bagi pelajar untuk memuat naik *link video* pengenalan diri mereka dan temubual bersama alumni UKM selain memuat video dan gambar semasa

program berlangsung seiring dengan Revolusi Industri 4.0. MESRA@UKM adalah satu perubahan besar dalam memecah tradisi pelaksanaan MMM yang memacu pelajar ke arah teknologi terkini yang relevan dengan kehidupan masa kini.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pemilikan dan penggunaan perisian aplikasi MESRA@UKM sepanjang Minggu Mesra Mahasiswa UKM 2018 di kalangan pelajar baharu yang mula berdaftar untuk sesi pengajian tahun 2018/2019. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui:

- Apakah kadar pemilikan gajet (telefon pintar) dan pemilikan akaun media sosial (Facebook dan

- Istagram) di kalangan pelajar baru UKM.
- ii. Apakah tahap penggunaan dan interaksi penggunaan media sosial oleh pelajar.
 - iii. Sejauh mana aplikasi MESRA@UKM mempengaruhi dan membantu kelancaran MMM 2018.

Kajian ini menjawab semua persoalan atau objektif kajian yang telah ditetapkan pada pengakhiran MMM yang telah dijalankan.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian tinjauan menggunakan soal selidik yang membenarkan pengkaji mengumpul data yang terperinci daripada populasi yang dipanggil sampel. Pengagihan soal selidik dilakukan dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Cua (2006) menyatakan kelebihan kajian tinjauan adalah ia lebih menyeluruh berkaitan permasalahan yang dikaji, pengumpulan data yang lebih cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, dalam masa yang singkat dan mampu membuat generaliasasi bagi suatu populasi kajian. Selain itu, keputusan yang diperolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang agak tinggi. Kajian ini melibatkan 1258 orang pelajar baharu UKM bagi sesi pengajian 2018/2019. Instrumen soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi soalan-soalan untuk mendapatkan demografi responden seperti jantina, bangsa, kelulusan akademik dan lain-lain. Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan pemahaman dan tahap penggunaan serta interaksi menggunakan media sosial di kalangan pelajar baharu

UKM dalam kehidupan harian mereka. Bahagian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skor 1, 2, 3, 4 dan 5 yang meminta responden-responden menyatakan kekuatan pendapat mereka (daripada sangat tidak bersetuju kepada sangat bersetuju) terhadap item-item yang dikemukakan. Bahagian C mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan respon pelajar baharu ini terdapat penggunaan aplikasi MESRA@UKM semasa MMM UKM 2018. Bahagian ini juga mengandungi skala likert lima mata dengan skor 1, 2, 3, 4 dan 5. Responden diminta menanda aras kepentingan bagi setiap maklumbalas yang ditanyakan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menganalisis data menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian ‘Statistical Package for the social science’ (SPSS) bagi memperolehi dapatan kajian yang tepat, mudah dan mampu menjawab segala persoalan kajian yang dijalankan pengkaji. Data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Analisis stastistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan maklumat demografi sampel kajian seperti jantina, bangsa, kelulusan akademik dan lain-lain data bagi menghuraikan dan menjawab persoalan kajian.

Jadual 1 menunjukkan demografi pelajar Baharu UKM sebagai responden untuk taburan terhadap jantina dan bangsa. Berdasarkan bilangan responden seramai 1258 orang, bilangan pelajar perempuan dilihat dominan dengan 74.7% berbanding 25.3% untuk lelaki. Taburan mengikut bangsa pula menunjukkan 77.6% untuk melayu diikuti sebanyak 12.5, 5.3, 3.3 dan 0.9 % untuk cina, india, bumiputra sabah dan serawak serta lain-lain bangsa.

JADUAL 1. Demongafi Responden Pelajar

		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	318	25.3
	Perempuan	938	74.7
Bangsa	Melayu	975	77.6
	India	67	5.3
	Cina	157	12.5
	Bumiputra Sabah dan Sarawak	41	3.3
	Lain-lain	16	0.9

Taburan pelajar baharu ini mengikut aliran atau fakulti pengajian ditunjukkan dalam Jadual 2. Sebanyak 13 fakulti yang ditawarkan kepada pelajar dengan fakulti

besar seperti FKAB dan FSK yang menawarkan lebih tawaran kepada pelajar berbanding fakulti yang lebih kecil seperti FGG dan Ffar. Jadual 3 pula menunjukkan

JADUAL 2. Taburan Pelajar (Responden) Mengikut Aliran/Fakulti Pengajian

Fakulti	Bilangan responden	Peratus (%)
Fakulti Pengajian Islam (FPI)	154	12.3
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSK)	129	10.3
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan (FEP)	46	3.7
Fakulti Sains Dan Teknologi (FST)	119	9.5
Fakulti Pendidikan (FPEND)	22	1.8
Fakulti Citra UKM	33	2.6
Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina (FKAB)	185	14.7
Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat (FTSM)	64	5.1
Fakulti Undang - Undang (FUU)	97	7.7
Fakulti Perubatan (FPer)	55	4.4
Fakulti Sains Kesihatan (FSK)	271	21.6
Fakulti Farmasi (FFar)	39	3.1
Fakulti Pergigian (FGG)	42	3.3

tahap kelulusan akademik pelajar (respondan) yang diperolehi untuk kemasukan ke UKM. Majoriti pelajar sebanyak 57% menggunakan kelulusan matrikulasi/

asasi untuk kemasukan berbanding yang menggunakan STPM, DIPLOMA, STAM atau A-level sebanyak 32.5, 8.5, 1.0 dan 0.4 %.

JADUAL 3. Peringkat Kelulusan Akademik Pelajar (Responden)

Peringkat pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
STPM	408	32.5
DIPLOMA	107	8.5
Matrikulasi/Asasi	711	56.6
STAM	13	1.0
A-level	5	0.4
Lain - Lain	11	0.9

Purata pendapatan isi rumah bagi setiap pelajar ditunjukkan dalam Jadual 4. Enam skala pendapatan dimasukkan bermula daripada pendapatan dibawah RM1500 sehingga kepada skala melebihi RM 5001. Keputusan unjuran pendapatan dilihat tersebar kepada keseluruhan skala dengan 30.5 % pendapatan melebihi

RM5001 berbanding 21.3 % untuk kurang daripada RM 1500. Jadual 5 menunjukkan jumlah pemilikan telefon pintar dan akaun media sosial di kalangan responden yang menyatakan ‘Ya’ sebanyak 99.8 dan 99.3 % keseluruhannya.

JADUAL 4. Purata Pendapatan Isi Rumah Bagi Setiap Pelajar

Pendapatan isi rumah	Bilangan	Peratus (%)
Kurang daripada RM 1,500.00	266	21.3
RM 1,501.00 - RM 2,000.00	161	12.9
RM 2,001.00 - RM 3,000.00	187	14.9
RM 3,001.00 - RM 4,000.00	134	10.7
RM 4,001.00 - RM 5,000.00	121	9.7
Lebih daripada RM 5,001.00	382	30.5


JADUAL 5. Pemilikan Telefon Pintar dan Akaun Medial Sosial Oleh Pelajar

		Bilangan	Peratus (%)
Pemilikan telefon pintar	Ya	1254	99.8
	Tidak	2	0.2
Pemilikan akaun media sosial	Ya	1247	99.3
	Tidak	7	0.7


Bahagian berikutnya adalah berdasarkan kepada penggunaan skala likert lima mata dengan skor 1, 2, 3, 4 dan 5 terhadap soalan atau item-item yang dikemukakan. Rajah 2 menunjukkan keputusan terhadap soalan-soalan yang berkaitan dengan pemahaman dan tahap penggunaan serta interaksi penggunaan media sosial di kalangan pelajar baharu UKM dalam kehidupan harian mereka. Media sosial Whatsapp, Instragram, Telegram, Facebook dan

Youtube merupakan laman sosial yang paling banyak dimiliki dan digunakan sebanyak 95.5, 89.2, 87.6, 74.3 dan 60.4 % jauh meninggalkan laman-laman sosial yang lain. Rajah 3 pula menunjukkan keputusan respon pelajar terhadap persoalan berkenaan interaksi pelajar (responden) melalui media sosial bagi MMM manakala respon terhadap penggunaan applikasi MESRA@UKM dirumuskan dalam Rajah 4.


RAJAH 2. Pemilikan Jenis Akaun Media Sosial oleh Pelajar



RAJAH 3. Interaksi Pelajar melalui Media Sosial untuk MMM



RAJAH 4. Respon terhadap Penggunaan Aplikasi MESRA@UKM untuk MMM



PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Penemuan kajian menunjukkan banyak dapatan yang menarik bermula dengan demografi responden yang terdiri daripada pelajar baharu UKM. Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa majoriti responden adalah berbangsa melayu dengan 78% manakala perempuan mendominasi peratusan jantina sebanyak 75%. Trend ini adalah normal untuk kemasukan ke Universiti Awam (UA) sejak saban tahun yang didominasi oleh bangsa melayu dan perempuan. Jadual 2 pula menunjukkan taburan pelajar secara sekata ke 13 buah fakulti yang terdapat di dalam UKM mengikut kuota pengambilan bagi setiap fakulti. Maklumat ini menunjukkan bahawa responden yang mengisi pemaklumat ini terdiri daripada pelbagai latarbelakang aliran pendidikan merangkumi sains tulen dan sains sosial. Kemasukan ke fakulti ini pula didominasikan dengan penggunaan keputusan matrikulasi/asasi sebanyak 57% diikuti oleh STPM, DIPLOMA, STAM, A-level dan yang lain-lain (Jadual 3). Jadual 4 pula menunjukkan taburan skala pendapatan isi rumah untuk setiap responden manakala Jadual 5 mengesahkan peratusan pemilikan telefon pintar dan akaun media sosial yang berdaftar.

Berdasarkan maklumat daripada Jadual 1 sehingga Jadual 5, dapat dirangkumkan bahawa responden yang terdiri daripada pelajar baharu ini berbeza daripada latarbelakang kelulusan akademik, jurusan pendidikan yang dipilih serta tahap pendapatan isi rumah walaupun didominasi oleh jantina perempuan dan bangsa melayu. Sungguhpun begitu, hampir keseluruhan pelajar baharu ini mampu atau mempunyai sekurang-kurangnya mempunyai sebuah telefon pintar (99.8%) dan memiliki akaun laman sosial (99.3%). Walaupun lebih 47% responden mempunyai pendapatan isi rumah keseluruhan kurang daripada RM 3000 atau tergolong dalam kumpulan B40, hampir kesemua responden masih mampu memiliki telefon pintar. Keputusan ini dilihat kritikal untuk perlaksaan penggunaan aplikasi MESRA@UKM secara sepenuhnya di sepanjang MMM. Sebagai

tambahan, hampir keseluruhan (atau 99.3%) responden memiliki akaun media sosial dan keputusan ini juga amat relevan dan menunjukkan bahawa leterasi atau kemampuan setiap responden untuk memahami serta mempunyai kemahiran asas dalam pengoperasian aplikasi melalui telefon pintar secara amnya. Banyak masalah perlaksanaan penggunaan aplikasi MESRA@UKM akan timbul jika pelajar tidak mempunyai kemudahan telefon pintar atau pun tidak berkemahiran lansung dalam pengoperasian aplikasi media sosial. Walaubagaimanapun, beberapa langkah kawalan telah dirancang untuk mengatasi masalah ini oleh pihak UKM walaupun jumlahnya kurang daripada 0.07% berdasarkan ratio responden yang terlibat.

Aplikasi MESRA@UKM yang beroperasi (dihubungkan) bersama Telegram (95%) dan Instagram (87.6%) dilihat amat bertepatan kerana berdasarkan respon daripada pelajar baharu menunjukkan bahawa akaun media sosial ini merupakan aplikasi yang paling popular dipilih seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Rajah 3 menunjukkan respon terhadap interaksi melalui aplikasi media sosial sebelum dan semasa MMM. Lebih 95% responden memberikan respon yang positif (skala 4 dan 5) dengan menyatakan bahawa interaksi maya (penulisan dan *live video*) merupakan platform yang sesuai untuk komunikasi dua hala, petugas/pemudahcara MMM mempunyai kemahiran komunikasi yang baik (melalui media sosial), aplikasi ini membantu mengenali pelajar baru dan senior serta ianya memudahkan pemahaman terhadap MMM. Namun, penyertaan bersama pengurusan tertinggi melalui *live video* dilihat memberikan respon yang agak rendah disekitar 60% mungkin disebabkan kadar kekerapan keudara yang agak rendah berbanding pemudahcara-pemudahcara UKM serta hanya memberikan input spesifik kepada perkara-perkara tertentu sahaja.

Respon terhadap penggunaan Aplikasi MESRA@UKM Untuk MMM dirumuskan melalui Rajah 4. Agak menarik dimana respon yang baik

(melebihi 90%) diberikan secara puratanya untuk hampir kesemua soalan-soalan yang diberikan terhadap pelajar baharu berkaitan aplikasi MESRA@UKM. Pelajar berpuas hati terhadap pernyataan bahawa rekabentuk aplikasi adalah mesra pengguna, , aplikasi ini memudahkan urusan minggu MMM serta ianya turut memudahkan perkongsian gambar atau video. Namun begitu, skor bagi pernyataan kualiti sistem aplikasi adalah baik serta pemaklumat di dalam aplikasi adalah lengkap dan tepat dilihat agak menuruh walaupun masih tinggi disekitar (80%). Ini mungkin dipengaruhi oleh kualiti WiFi yang disediakan serta beberapa perubahan jadual MMM pada saat-saat akhir. Walaubagaimanapun, keseluruhan respon dilihat amat positif terhadap perlaksanaan atau penggunaan aplikasi MESRA@UKM sebelum dan sepanjang MMM.

RUMUSAN

Melalui keputusan yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa demografi latarbelakang pelajar baharu UKM dilihat pelbagai khususnya melalui latarbelakang pendidikan, aliran pembelajaran atau kuasa membeli melalui pendapatan isi rumah. Namun begitu, hampir kesemua pelajar baharu ini secara keseluruhan (99%) mempunyai sekurang-kurangnya sebuah telefon pintar dan mempunyai akaun media sosial yang berdaftar. Ini menunjukkan kemampuan pemilikan telefon pintar dan tahap literasi yang tinggi bagi pemahaman dan penggunaan alatan dan aplikasi ICT. Ini juga berpadanan dengan penggunaan aplikasi MESRA@UKM sebelum dan sepanjang MMM dijalankan.

Respon pelajar terhadap interaksi melalui media sosial dan penggunaan aplikasi MESRA@UKM dilihat amat positif dengan purata keseluruhan respon antara 85-95% peratus. Walaubagaimanapun terdapat beberapa perkara yang memerlukan penambahbaikan untuk memastikan bahawa aplikasi MESRA@UKM ini dapat memberikan input dan kebaikan kepada penggunaannya khususnya pada MMM yang akan datang.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan diberikan kepada pengurusan tertinggi UKM melalui Pusat SISWA UKM, Fakulti dan Kolej kediaman serta kesemua pelajar baharu UKM bagi sesi pengajian 2018/2019. Tidak lupa juga penghargaan terhadap UKM melalui peruntukan geran KRA-2018-032 untuk memastikan maklumbalas terhadap perlaksanaan aplikasi MESRA@UKM dapat dikenalpasti untuk rujukan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Al-Barashdi, H.S., Buoazza, A. & Jabur, N.H. 2015. Smartphone addiction among university undergraduates: A literature review. *Journal of Scientific Research & Reports*. 4(3): 210-225.
- Al-fawareh, H.M. & Jusoh, S. 2014. Smartphones Usage Among University Students: Najran University Case. *International Journal Of Academic Research*. 6(2): 321-326.
- Al-Mikhlaifi, A.G. 2006. Effectiveness of interactive multimedia environment on language acquisition skills of 6 th grade students in the United Arab Emirates. *International Journal Media*. 33(4):427-441.
- Bagui, S. 1998. Reasons for increased learning using multimedia. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*. 7 (1): 3-18.
- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan Stastistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGrawhill.
- Fletcher,J.D. 2003. Evidence for Learning From Technology Asissted Instruction. Dlm. *Technology Applications in Education: A Learning View*, disunting oleh O'Neil, H.F. & Perez, R.S. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Hong, F.Y., Chiu, S.I. & Huang, D.H. 2012. A model of the relationship between psychological characteristics, mobile phone addiction and use of mobile phones by Taiwanese University female students. *Computers in Human Behavior*. 28: 2152 – 2159.
- Jamalluddin Harun & Zaidatun Tasir. 2003. *Multimedia dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publication.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010: Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lay-Yee, K.L., Kok-Siew, H. & Chan Yin-Fah, B. 2013. Factors affecting smartphone purchase decision among Malaysia Generation Y. *International Journal of Asian Social Science*. 3(12): 2426-2440.
- Macaulay, M. 2002. Embedding Computer Based Learning With Learning Aids: A Preliminary Study. *International Journal Of Instructional Media*. 29(3):305-315.
- Mayer, R.E. 1993. Illustration That Instruct. Dlm. *Adavances in Instructional Psychology*, disunting oleh Galsser, R. Hollsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Mohtar,N.M.M., Hassan, M.A., Hassan, M.S. & Osman, M.N. 2013. The Importance of Smartphone's Usage Among Malaysian. *Journal Of Humanities and Social Science*. 15(9): 491-497.
- Park, N. & Lee, H. 2012. Social Implications of Smartphone Use: Korean College Students' Smartphone Use and Psychological Well-Being. *CyberPsychology, Behavior & Social Networking*. 15(9): 491-497.
- Song, H.S.Y., Murphy, A. & Farley, H. 2013. Mobile devisces for learning in Malaysia: Then and now. Prosiding 30th Ascilite Conference: hlm 1-4.

- Uys, W.A., Mia, G.J., Jansen, H.V., Schyff, M.A., Khusu, M., Gierdien, M., Luekes, N.A., Park, N. & Lee, H. 2012. Social Implications of Smartphone Use: Korean College Students' Smartphone Use and Psychological Well-Being. *CyberPsychology, Behavior & Social Networking*. 15(9): 491-497.
- Weinberg, D. 2012. Smartphone features. <http://techtips.salon.com/Smartphonefeatures-179.html> [24 Disember 2012].

Mohd Suzeren Md Jamil*

Pusat Bahan Termaju & Sumber Keterbaharuan (PBTSK)
Fakulti Sains & Teknologi
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia.

Roslee Rajikan
Fakulti Sains Kesihatan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Noor Alaudin Abdul Wahab, Shahrul Nazmi Sannusi & Muhammad Hamiduddin Saat
Pusat Hal Ehwal Pelajar
Aras 7, Bangunan PUSANIK
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: suzeren@ukm.edu.my

Diserahkan: 2 Ogos 2019

Diterima: 2 Ogos 2019